

## **PERKONGSIAN MAKLUMAT & KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

*Disediakan oleh: Cik Kamariah Gono*

Dua pustakawan dari Perpustakaan UMP telah dilantik menjadi penceramah dalam kursus anjuran Perpustakaan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan/Pusat Maklumat ini diadakan pada 30 hingga 31 Mac 2016 dan dihadiri oleh 22 orang Pembantu Perpustakaan dan Pustakawan dari pelbagai agensi. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta tentang bidang kepustakawanan serta latihan khusus dalam bidang yang berkaitan.

Dalam kursus tersebut, Timbalan Ketua Pustakawan, Kamariah Gono diberi dua slot kursus bertajuk “Pengurusan Pentadbiran Perpustakaan” dan “Pengkatalogan Bahan Monograf dan Media”. Manakala Pustakawan Unit Perolehan, Rohaida Mohamad Idris pula telah menyampaikan ceramah bertajuk “Perolehan Bahan-bahan Perpustakaan”.



*Cik Kamariah menyampaikan ceramah*



*Peserta dan penceramah yang terlibat*



*Peserta khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan*

